

B 8855 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL R R R

KUALA LUMPUR, 1 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA WALAUPUN MALAYSIA BERSIKAP KRITIKAL TERHADAP KOMANWEL, IA MENGIKTIRAF KEBAIKAN PERSATUAN PARLIMEN KOMANWEL (CPA) DALAM MENGEMBANGKAN PERANAN DAN AMALAN PARLIMEN DALAM SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENKTRITIK KOMANWEL KERANA KERAPKALI IA TIDAK MENEPATI MATLAMAT PENUBUHANNYA DAN SELALUNYA TIDAK TERDAPAT LANGSUNG PERSEFAHAMAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA.

+CPA PERLU DIBERI PENGHARGAAN KERANA PERKARA-PERKARA BERKAITAN DENGAN KEBAIKAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT-MESYUARATNYA DAN PENGETAHUAN SERTA PENGALAMAN DARIPADA MESYUARAT-MESYUARAT SEPERTI ITU MEMBANTU MEREKA UNTUK MEMAHAMI DENGAN LEBIH BAIK MASALAH-MASALAH DAN BOLEH MENYUMBANG TERHADAP Mencari penyelesaian,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN KE-33 CPA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI HARI INI.

KATANYA, PERTUKARAN PENDAPAT, LAWATAN DAN PERGAULAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN SEMASA PELBAGAI PERSIDANGAN CPA TIDAK DAPAT TIDAK AKAN MEMPERLUASKAN PANDANGAN MEREKA MENGENAI PARLIMEN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA SEJAK AKHIR-AKHIR INI, TERDAPAT KECENDERUNGAN UNTUK TIDAK MENGHIRAUKAN BANGSA-BANGSA BERSATU SEBAGAI PERTUBUHAN PELBAGAI HALA. KECENDERUNGAN ITU HANYA MENGUNTUNGAN KUMPULAN DUA HALA ATAUPUN KUMPULAN-KUMPULAN KECIL YANG TERHAD. -- LAGI.

1421MST 01 09 87

B 8857 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA, TELAH BEBERAPA KALI BERLAKU USUL-USUL YANG DITERIMA PADA MESYUARAT-MESYUARAT ITU YANG DIHADIRI OLEH KUMPULAN-KUMPULAN KECIL BERKENAAN, TELAH MENJEJASKAN BANYAK NEGARA LAIN.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA EKORAN MESYUARAT-MESYUARAT KUMPULAN TUJUH (TERMASUK NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN UTAMA BARAT), BANYAK NEGARA MISKIN MENJADI SEMAKIN MISKIN.

+KADAR PERTUKARAN MATA WANG YANG BERLAINAN TELAH DIMANIPULASI SUPAYA DENGAN TIBA-TIBA NEGARA-NEGARA MISKIN MENDAPATI JUMLAH HUTANG LUAR MEREKA MENJADI BERGANDA DAN PENDAPATAN EKSPORT MEREKA BERKURANGAN,+ KATANYA.

+KITA HENDAKLAH KEMBALI KEPADA KONSEP PELBAGAI HALA. CPA, SEBAGAI BADAN PELBAGAI NEGARA HENDAKLAH MENYOKONG KONSEP ITU YANG BOLEH DITELADANI DARIPADA BANGSA-BANGSA BERSATU.+

MENGENAI MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA PELBAGAI KAUM, PERDANA MENTERI BERKATA SEJAK KEMERDEKAAN, NEGARA INI TELAH CUBA UNTUK MEWUJUDKAN KEHARMONIAN KAUM DAN MENGAKUI BAHAWA INI BUKANLAH SATU USAHA YANG MUDAH.

+KAMI SEBUAH NEGARA PELBAGAI KAUM. INI BUKANLAH KEHENDAK KAMI. IA DIPAKSA KEPADA KAMI SEMASA KAMI DIJAJAH DAHULU.+ -- LAGI.
1429MST 01 09 87

UJ63

B B858 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 3 KUALA LUMPUR R R R

BAGAIMANAPUN, KATANYA RAKYAT DAPAT HIDUP DENGAN BAIK DAN INI JELAS DENGAN RAKYAT MALAYSIA MENGHORMATI AGAMA, ADAT RESAM DAN KEPERCAYAAN DI SAMPING BERSIKAP TOLERASI ANTARA SATU SAMA LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MESKIPUN DEMIKIAN, ADA LAPORAN-LAPORAN YANG MENDAKWA KONONNYA SESETENGAH KAUM DIBERI LAYANAN BURUK DI NEGARA INI DAN TIDAK LAMA LAGI AKAN BERLAKU KEKACAUAN KAUM DAN PERKEMBANGAN NEGATIF LAIN SEUMPAMA ITU.

+HAKIKAT BAHAWA +TIDAK LAMA LAGI+ ITU SUDAH PUN BERLALU TANPA APA-APA KEJADIAN TIDAK MEMBUAT MEREKA SERIK. TIDAK LAMA LAGI, MEREKA AKAN MEMBUAT LAPORAN BAHAWA TIDAK LAMA LAGI AKAN BERLAKU RUSUHAN KAUM DI MALAYSIA,+ KATANYA.

KIRA-KIRA 400 ANGGOTA PARLIMEN MENGHADIRI PERSIDANGAN SEMINGGU ITU. INI ADALAH KALI KETIGA MALAYSIA MENJADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN CPA.

YANG TURUT HADIR PADA UPACARA ITU IALAH ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, PRESIDEN CPA DATUK SHAHRIR SAMAD DAN SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL SIR SHRIDATH RAMPAL. -- BERNAMA.
1448MST 01 09 87